

# Empat lagi rangka prasejarah ditemui

B.H 02/08/08 M/S 24

## Penemuan dihantar ke UKM bagi ujian DNA

Oleh Mohd Azis Ngah  
azis@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Empat lagi rangka manusia prasejarah ditemui di tapak arkeologi Pulau Kelumpang, Kuala Gula, dekat Taiping, Perak menjadikan jumlah keseluruhan kepada lima rangka sejak kerja cari gali dimulakan Mei lalu.

Tiga daripada rangka terbaru itu ditemui di petak bersebelahan di kawasan ditanamkan sebagai Pulau Kelumpang I (PKI) manakala satu lagi ditemui di kawasan PKII, kira-kira 30 meter dari situ.

Ketua projek merangkap Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Ma-

laysia (UKM), Prof Datuk Dr Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, berkata semua rangka itu ditemui pada lapisan berbeza menunjukkan ia ditanam pada tempoh berlainan.


Katanya, berdasarkan kajian awal, semua rangka itu dipercayai manusia dewasa dan rangka di lapisan paling bawah dikatakan terletak pada lapisan berhampiran

punca mata air.

“Rangka manusia di lapisan paling bawah agak unik dan berbeza dengan yang lain kerana kedudukan tangannya dalam keadaan bersilang di dada berbanding rangka lain dan kedudukan tangannya lurus serta selari dengan tulang kaki.

“Kami mengeluarkan dua rangka dan dihantar ke UKM untuk ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA). Tiga lagi rangka yang belum dikorek sepenuhnya akan dihantar ke makmal di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang,” katanya.

Melalui pendekatan baru mengagihkannya kajian ke makmal berlainan mampu membantu penyelidik mendapat keputusan lebih cepat untuk



**PENEMUAN BARU:** Pasukan arkeologi membersihkan rangka manusia prasejarah di Pulau Kelumpang, Kuala Gula, dekat Taiping.

menentukan jantina, usia serta punca kematian masyarakat yang tinggal di pulau berkenaan.

Kajian arkeologi itu dijalankan oleh Dr Nik Hassan bersama penyelidik bersama iaitu bekas Ketua Pengarah Muzium Negara, Datuk Dr Adi Taha dengan dibantu pelajar peringkat Ijazah Kedok-

toran, Jamilah Taib dan dijangka selesai pertengahan bulan ini.

Mereka dibantu pakar DNA UKM, iaitu Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Dr Shahrul Hisham Zainal Arifin dan Prof Madya Dr Sahidan Senafi serta pakar Per-

gigian dan Ortodontik UKM, Dr Rohaya Megat Abdul Wahab.

Dr Nik Hassan berkata, rangka manusia yang ditemui di PKII lebih kecil berbanding rangka lain dan ditemui pada lapisan atas, iaitu antara 10 hingga 20 sentimeter daripada permukaan tanah.

### FAKTA NOMBOR

# 5

## rangka

Manusia prasejarah ditemui di tapak arkeologi Pulau Kelumpang sejak Mei lalu